

30 APR 1999

Mahathir-Wan Azizah

DR MAHATHIR TEGUR WAN AZIZAH BAWA CAMPUR TANGAN ASING

ALOR SETAR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail kerana cuba dapatkan campur tangan asing bagi menyelesaikan masalah di negara sendiri.

Perdana Menteri berkata: "Nampaknya ada orang berpendapat urusan rumah tangga kita patut dicampur tangan oleh orang asing.

"Kita ingat negara kita ini bebas dan merdeka dan rakyat Malaysia akan tentukan nasib rakyat Malaysia sendiri tetapi kita dapati mereka berminat untuk mendapatkan sokongan dari negara-negara asing," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini untuk lawatan tiga hari ke Kedah.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kunjungan isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu ke Manila semalam untuk meminta sokongan politik Filipina bagi melaksanakan perubahan di Malaysia serta mendakwa kononnya suaminya mangsa sistem korup.

"Barisan Nasional dan Umno tidak akan meminta pertolongan luar. Kita percaya kepada rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia sahaja berhak menentukan nasib rakyat Malaysia," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidakpun campur tangan dalam urusan dalaman di negara lain.

"Sebaliknya kalau kita nak campur tangan dalam masalah di Filipina, (kerana) ada banyak orang Filipina minta pertolongan kita, tapi kita tidak campur tangan dalam urusan rumah tangga orang lain," katanya.

Ditanya sama ada penerimaan Filipina terhadap kunjungan Wan Azizah itu memberi kesan kepada semangat kerjasama Asean, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada Filipina.

Mengenai dakwaan Wan Azizah semasa di Filipina kononnya suaminya bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan mangsa proses undang-undang di Malaysia, Dr Mahathir berkata Wan Azizah berhak untuk bercakap manakala kerajaan berhak untuk menafikannya.

Perdana Menteri berkata Malaysia berpegang pada undang-undang negaranya.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun setelah Mahkamah Tinggi mendapati beliau bersalah terhadap empat tuduhan salah guna kuasa.

"Kalau kita pegang (hanya) bila keputusan itu menguntungkan kita, itu tak bermakna pegangan pada undang-undang.

"Orang cakap pasal rule of law tapi bila law itu terkena pada diri sendiri dan mereka dapati rugikan mereka, pada ketika itu mereka tak percaya lagi pada undang-undang," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Saya yakin kalau mahkamah buat keputusan yang dia tak salah, hari ini saya ingat hakim itu akan dijunjung tinggillah."

"Jadi bukan undang-undang, bukan pelaksanaannya yang penting. Sama ada kita dapat sesuatu atau tidak. Kalau dapat...bagus, kalau tak dapat...tak bagus," katanya.

-- BERNAMA

JM ZA MAI